

# Lima lagi hospital pengajar

► *Bakal diwujudkan sebagai tambahan tiga hospital sedia ada*

UB 12.11.2014 A &



**KUALA LUMPUR:** Lima lagi hospital pengajar akan diwujudkan di negara ini sebagai tambahan kepada tiga hospital sedia ada, kata Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Mary Yap Kain Ching.

Beliau berkata hospital pengajar tersebut akan ditubuhkan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kuantan dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam.

“Setakat ini hanya ada tiga hospital pengajar iaitu Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian,”

“Hospital pengajar tersebut akan ditubuhkan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kuantan dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam.”

## DATUK MARY YAP

*Timbalan Menteri Pendidikan*



katanya ketika menjawab soalan Dr Mansor Abdul Rahman (BN-Sik) pada Persidangan Dewan Rakyat, di sini kelmarin.

Sementara itu, menjawab soalan lain daripada Datuk Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena) mengenai status projek perolehan peralatan Digital Autopsy Diagnostic Station (DADS), Mary Yap berkata kementerian memutuskan untuk tidak meneruskan perolehan peralatan kaedah autopsi maya itu.

Beliau berkata keputusan itu dibuat setelah meneliti

keperluan, spesifikasi, kaedah perolehan bersesuaian serta kekangan peruntukan kewangan kerajaan memandangkan hanya satu syarikat sahaja yang berminat untuk membekalkan peralatan tersebut.

“Itu keputusan yang dibuat setakat ini, tetapi memandangkan pembelajaran adalah penting, ini bermakna cadangan untuk mendapatkan DADS boleh diteliti pada masa akan datang,” jelas Mary Yap. -Bernama